

19 SEP 2000

PERDANA MENTERI AKHIRI LAWATAN DUA HARI KE SABAH

KOTA KINABALU, 19 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini berlepas ke ibu negara selepas mengakhiri lawatan dua hari ke Sabah.

Ketua Menteri Datuk Osu Sukam dan Menteri-menteri Kabinet negeri adalah antara orang kenamaan yang berada di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu bagi mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Semalam, Dr Mahathir menghadiri Tilawah Al-Quran peringkat Kebangsaan yang diadakan di Dewan Saadah, Wisma Muis.

Pagi tadi, Perdana Menteri merasmikan kampus tetap Universiti Malaysia Sabah di Teluk Likas, dekat sini.

Beliau turut mengadakan pertemuan dengan anggota Kabinet negeri sebelum berlepas ke ibu negara.

-- BERNAMA

NT PR